

JELAJAH NASEEHAT : HATI KE HATI & SOLIDARITI PALESTIN

31 Oktober - Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Seberang Perai telah mengadakan Program Jelajah Naseehat : Hati ke Hati dan Solidariti Palestin di Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai. Seramai 765 orang yang terdiri daripada pelajar dan orang awam yang menghadiri program tersebut .

Penceramah jemputan adalah daripada Team Naseehat iaitu Iddin Ramli. Antara objektif program ini diadakan adalah untuk memberikan semangat dan kekuatan rohani kepada pelajar Politeknik Seberang Perai (PSP) supaya tidak mudah berputus asa jika berhadapan dengan ujian serta meningkatkan motivasi diri dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai.

Semoga perkongsian yang disampaikan oleh penceramah jemputan boleh menaikkan lagi semangat pelajar Politeknik Seberang Perai.



